

# Miliki rumah idaman

## Insentif BNM sasar kumpulan B40 beli kediaman pertama

Nabil Basaruddin

cnews@nstp.com.my

### Kuala Lumpur

**K**umpulan berpendapatan rendah (B40) kini berpeluang untuk membeli rumah pertama menerusi inisiatif Dana Rumah Mampu Milik oleh Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah RM1 bilion.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, dana berkenaan berteepatan dengan usaha kerajaan memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dalam memiliki rumah idaman sendiri.

Beliau berkata, usaha BNM itu menyasarkan golongan berpendapatan tidak lebih daripada RM2,300 sebulan untuk membeli rumah pertama berharga sehingga RM150,000.

"Ketika Belanjaan 2019 yang lalu, kerajaan menggariskan beberapa strategi dan insentif bagi menangani isu perumahan termasuk dana oleh BNM ini.

"Permohonan bagi dana ini mula dibuka pada 2 Januari lalu dan sehingga kini ia menerima 16 permohonan yang mana lima permohonan diluluskan manakala selebihnya masih dalam proses," katanya pada majlis

pelancaran Dana Rumah Mampu Milik dan Portal Rumahku, di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Amiruddin Hamzah, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus

dan Pengerusi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Anuar Mohd Hassan.

Dana rumah mampu milik ini tersedia di institusi kewangan peserta (IKP) seperti Ambank, Bank Simpanan Nasional (BSN), CIMB Bank, Maybank dan RHB Bank melalui kadar pembiayaan serendah 3.5 peratus.

Pemohon juga wajib mengikuti program pendidikan kewangan yang ditawarkan melalui portal dalam talian, dengan penilaian sendiri iaitu Rumahku oleh AKPK.

Portal Rumahku berperanan membantu bakal peminjam memahami dan mengurus kewangan secara berkesan dengan mengambil kira komitmen yang bakal dihadapi pembeli.

Guan Eng berkata, pemohon boleh membeli rumah kediaman di pasaran utama iaitu rumah yang dijual peminjam termasuk yang masih dalam pembinaan.

"Tempoh pembiayaan pula maksimum sehingga 40 tahun atau sehingga 70 tahun serta tiada fi pemprosesan pembiayaan dan pengucuaian duti setem ke atas perjanjian jual beli," katanya.

# Pelancaran Dana Rumah Mampu Milik & Portal Rumahku



## **FAKTA**

Dana Rumah Mampu Milik oleh Bank Negara Malaysia berjumlah RM1 bilion

DARI kiri, Amiruddin, Zuraida, Guan Eng, Nor Shamsiah dan Anuar pada Majlis Pelancaran Dana RM1 Bilion Rumah Mampu Milik Dan Portal Rumahku Bank Negara, semalam.